

# Pungutan cukai tidak diswastakan

— Dr. M

UM 26 JAN 2002

MELAKA 25 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak berhasrat untuk menswastakan pungutan cukai yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kerana yakin akan keupayaan jabatan berkenaan.

Menurut beliau, keupayaan jabatan tersebut melaksanakan pungutan cukai disebabkan sikap pegawai dan kakitangannya yang tidak mengamalkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Malah, kata Dr. Mahathir, integriti yang diamalkan oleh pegawai-pegawai dan anggota jabatan itu memastikan kerajaan memperoleh hasil yang bukan sahaja mampu untuk membayar gaji atau elaun kepada kakitangannya malah dapat membangunkan negara.

“Di Malaysia, pegawai dan kakitangan Kastam tidak melakukan penyelewengan dan rasuah, walaupun ada (yang mengamalkan rasuah) namun amat sedikit kerana undang-undang atau peraturan tidak akan dapat menghapuskan gejala ini 100 peratus.

“Ini kerana sama ada kita hendak mengamalkan rasuah atau tidak ia bergantung kepada diri kita sendiri,” katanya ketika berucap merasmikan Hari Kastam Sedunia ke-20, di Akademi Kastam Diraja (Akmal), di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, semua pegawai kerajaan harus mengelakkan diri daripada melakukan rasuah atau penyalahgunaan kuasa kerana lambat laun mereka yang terlibat pasti ditangkap dan dikenakan tindakan undang-undang.

“Pada masa itu sudah agak lewat untuk menyesal kerana mengabaikan tanggung jawab yang telah diamanahkan oleh negara, kesudahannya daripada pegawai tinggi kerajaan terus menjadi banduan,” katanya.

Katanya, melalui sikap amanah yang dijalankan oleh kakitangan kerajaan terutamanya mereka yang dibeti kuasa untuk mengutip cukai ia akan membantu menambahkan pendapatan negara.

“Melalui cara ini ia membolehkan kerajaan menaikkan gaji dan membangunkan negara,” katanya.

Katanya, di sesetengah negara yang pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan terbabit dalam rasuah, gaji mereka tidak dapat dibayar atau dinaikkan kerana kerajaan tidak mempunyai wang.

“Apabila gaji tidak naik, mereka (pegawai dan kakitangan) sendiri akan menaikkannya dengan mengambil rasuah, apabila ini berlaku, negara tidak mempunyai lagi pungutan hasil dan akhirnya kerajaan akan bangkrap,” tambah beliau.

Perdana Menteri menjelaskan, langkah kerajaan yang mewajibkan semua kakitangan awam menandatangani surat Akujanji juga merupakan sebahagian usaha bagi mengelakkan mereka terlibat dalam perbuatan yang melanggar undang-undang.

Mengenai kenyataan Pas bahawa pelaksanaan Akujanji sebagai bermotif politik, Dr. Mahathir berkata, bagi Pas semuanya politik.